

FAQ : Dana Tabungan Anggota (DTA) Khairat Kematian

1. Apakah itu Dana Tabungan Anggota (DTA) Khairat Kematian?

DTA Khairat Kematian ialah satu inisiatif bantuan kewangan oleh Koop Sahabat kepada anggota atau waris anggota sekiranya berlaku kematian anggota atau pasangan anggota.

2. Apakah tujuan Dana Tabungan Anggota (DTA) Khairat Kematian diwujudkan?

Tujuan utama DTA Khairat Kematian adalah untuk membantu meringankan beban kewangan anggota atau waris ketika menghadapi kematian anggota atau pasangan anggota.

3. Siapakah yang layak menerima tuntutan Dana Tabungan Anggota (DTA) Khairat Kematian?

Tuntutan layak dibuat bagi:

- Kematian anggota yang sah.
 - Kematian suami/isteri kepada anggota yang sah.
-

4. Siapakah yang boleh membuat tuntutan?

- Jika anggota meninggal dunia, waris anggota boleh membuat tuntutan.
 - Jika anggota bujang meninggal dunia, hanya ibu/bapa dan adik –beradik kandung yang sah layak membuat tuntutan.
 - Jika pasangan anggota meninggal dunia, anggota sendiri boleh membuat tuntutan.
-

5. Berapakah jumlah bantuan yang diberikan?

Jumlah bantuan yang diberikan ialah RM500 secara sekali bayar (one-off).

6. Dari manakah sumber dana DTA ini diperolehi?

Dana ini diperolehi melalui potongan dividen tahunan anggota sebanyak RM3.00.

7. Adakah semua anggota akan dikenakan potongan RM3.00?

Tidak. Potongan hanya dikenakan kepada anggota yang menerima dividen RM10.00 dan ke atas sahaja.

8. Adakah anggota perlu membuat permohonan untuk menyertai DTA?

Tidak perlu. Pelaksanaan DTA Khairat Kematian adalah berdasarkan keanggotaan yang sah serta tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan dalam Aturan DTA Khairat Kematian.

9. Bagaimanakah cara membuat tuntutan?

Tuntutan boleh dibuat menggunakan borang permohonan Koop Care yang sama dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat Koop Sahabat.

10. Di manakah permohonan boleh dibuat?

Permohonan boleh dibuat melalui Ibu Pejabat Koop Sahabat atau mana-mana cawangan Sahabat Ar-Rahnu (SAR).

11. Berapa lama tempoh tuntutan dibenarkan?

Tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kematian anggota atau pasangan anggota.

12. Apakah dokumen yang perlu disertakan semasa tuntutan?

Antara dokumen yang diperlukan ialah:

- Salinan sijil kematian.
- Salinan kad pengenalan anggota dan penuntut.
- Dokumen bukti hubungan pasangan/waris.
- Maklumat akaun bank.

(Tertakluk kepada semakan pihak pengurusan)

13. Bagaimanakah bayaran tuntutan dibuat?

Bayaran akan dikreditkan ke akaun bank anggota, penama atau waris yang layak.

14. Berapa lama proses tuntutan akan diambil?

Proses akan mengambil masa sehingga dua (2) bulan dari tarikh terimaan permohonan lengkap.

15. Adakah semua tuntutan akan diluluskan secara automatik?

Tidak. Tertakluk kepada semakan kelayakan, dokumen lengkap serta kelulusan pihak yang diberi kuasa.

16. Adakah borang khas diperlukan untuk permohonan Dana Tabungan Anggota (DTA) Khairat Kematian?

Tidak. Tiada borang khas diperlukan. Permohonan DTA Khairat Kematian menggunakan Borang Koop Care Khairat Kematian sedia ada.

17. Apakah tindakan yang perlu dibuat sebelum borang dihantar ke Ibu Pejabat?

Borang permohonan hendaklah mendapatkan cop pengesahan terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Ibu Pejabat Koop Sahabat untuk proses semakan dan tindakan lanjut.

18. Mengapakah cop pengesahan diperlukan?

Cop pengesahan diperlukan bagi memastikan permohonan telah disemak dan disahkan oleh pihak berkaitan sebelum diproses oleh Ibu Pejabat Koop Sahabat.

19. Bolehkah permohonan diproses sekiranya tiada cop pengesahan?

Ditolak. boleh menyebabkan proses permohonan ditangguhkan sehingga pengesahan lengkap diterima.

20. Siapakah yang bertanggungjawab memastikan borang lengkap sebelum dihantar?

Pemohon bertanggungjawab memastikan borang permohonan diisi dengan lengkap serta semua dokumen sokongan dan pengesahan disertakan sebelum dihantar untuk diproses.

21. Bolehkah permohonan ditolak?

Ya. Tertakluk kepada semakan kelayakan, dokumen lengkap serta kelulusan pihak yang diberi kuasa.

22. Kepada siapa pertanyaan atau rayuan boleh dibuat?

Sebarang pertanyaan, rayuan atau pertikaian boleh dikemukakan secara bertulis kepada Jabatan Hal Ehwal Anggota (JHEA) Koop Sahabat.

23. Bilakah Dana Tabungan Anggota (DTA) Khairat Kematian mula berkuat kuasa?

DTA ini akan berkuat kuasa selepas mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

24. Adakah Dana Tabungan Anggota (DTA) ini sama seperti insurans?

Tidak. DTA Khairat Kematian adalah bantuan kebajikan dalaman koperasi dan bukan produk insurans atau takaful.

25. Berapa lama tempoh proses tuntutan Dana Tabungan Anggota (DTA) Khairat Kematian?

Proses semakan dan pembayaran tuntutan DTA Khairat Kematian adalah dalam tempoh anggaran dua (2) bulan dari tarikh penerimaan dokumen lengkap oleh pihak Koop Sahabat.

26. Mengapa proses tuntutan mengambil masa sehingga dua (2) bulan?

Tempoh tersebut diperlukan bagi tujuan:

- Semakan kelayakan anggota.
 - Pengesahan dokumen tuntutan.
 - Semakan status keanggotaan dan dividen.
 - Proses kelulusan pengurusan.
 - Urusan pembayaran kepada penerima yang layak.
-

27. Adakah tempoh dua (2) bulan dikira dari tarikh kematian?

Tidak. Tempoh proses dikira bermula dari tarikh pihak Koop Sahabat menerima dokumen tuntutan yang lengkap.

28. Apakah yang menyebabkan proses tuntutan menjadi lambat?

Antara faktor yang boleh menyebabkan kelewatan ialah:

- Dokumen tidak lengkap.
- Maklumat akaun bank tidak tepat.

- Tiada bukti hubungan waris/pasangan.
 - Semakan tambahan diperlukan oleh pihak pengurusan.
 - Jumlah permohonan yang tinggi pada satu-satu masa.
-

29. Bagaimanakah anggota boleh memastikan proses tuntutan berjalan lancar?

Anggota atau waris disarankan:

- Menghantar borang dengan lengkap.
 - Menyertakan semua dokumen sokongan.
 - Memastikan nombor akaun bank aktif dan tepat.
 - Mengemukakan tuntutan dalam tempoh yang ditetapkan enam (6) bulan.
-

30. Adakah pemohon akan dimaklumkan mengenai status tuntutan?

Ya. Pemohon boleh menghubungi pihak Jabatan Hal Ehwal Anggota (JHEA) atau Ibu Pejabat Koop Sahabat untuk mendapatkan maklumat berkaitan status permohonan.

31. Jika tuntutan diluluskan, bagaimanakah bayaran dibuat?

Bayaran akan dibuat melalui pindahan terus ke akaun bank anggota, penama atau waris yang layak menerima tuntutan.

32. Jika tuntutan ditolak, adakah rayuan boleh dibuat?

Ya. Pemohon boleh mengemukakan rayuan atau pertikaian secara bertulis kepada Jabatan Hal Ehwal Anggota (JHEA) untuk semakan lanjut.

33. Siapakah yang bertanggungjawab memastikan borang lengkap sebelum dihantar?

Pemohon bertanggungjawab memastikan borang permohonan diisi dengan lengkap serta semua dokumen sokongan dan pengesahan disertakan sebelum dihantar untuk diproses.

34. Adakah semua anggota Koop Sahabat layak menerima DTA Khairat Kematian?

Semua anggota yang sah pada tarikh tuntutan dan memenuhi syarat yang ditetapkan adalah layak membuat tuntutan DTA Khairat Kematian.

35. Jika anggota baru menyertai Koop Sahabat, adakah terus layak membuat tuntutan?

Kelayakan tuntutan adalah tertakluk kepada status keanggotaan yang sah serta syarat dan peraturan semasa yang ditetapkan oleh Koop Sahabat.

36. Jika anggota tidak menerima dividen, adakah masih layak menerima DTA?

Ya. Anggota yang sah masih layak menerima manfaat DTA Khairat Kematian walaupun tiada potongan dividen RM3.00 pada tahun tersebut, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

37. Adakah DTA Khairat Kematian ini wajib disertai?

DTA Khairat Kematian adalah inisiatif kebajikan anggota yang dilaksanakan melalui potongan dividen tahunan seperti yang telah ditetapkan oleh Koop Sahabat.

38. Adakah potongan RM3.00 dibuat setiap bulan?

Tidak. Potongan RM3.00 dibuat sekali setahun melalui dividen tahunan anggota yang layak.

39. Adakah jumlah bantuan RM500.00 boleh berubah?

Sebarang perubahan jumlah bantuan atau kadar potongan adalah tertakluk kepada keputusan dan kelulusan pihak pengurusan serta Lembaga Koop Sahabat.

40. Jika kedua-dua anggota dan pasangan meninggal dunia, adakah tuntutan boleh dibuat?

Tuntutan adalah tertakluk kepada semakan pihak pengurusan berdasarkan syarat dan dokumen yang dikemukakan oleh waris yang layak.

41. Siapakah yang dianggap sebagai waris yang layak?

Waris yang layak adalah individu yang mempunyai hubungan sah dengan anggota seperti pasangan, ibu, bapa atau waris yang diiktiraf berdasarkan dokumen sokongan yang dikemukakan.

42. Adakah salinan dokumen diterima semasa tuntutan?

Ya. Salinan dokumen boleh diterima tertakluk kepada keperluan semakan dan pengesahan oleh pihak Koop Sahabat.

43. Adakah tuntutan boleh dibuat secara dalam talian?

Buat masa ini, tuntutan hendaklah dibuat melalui saluran dan kaedah yang ditetapkan oleh Koop Sahabat.

44. Jika anggota terlupa membuat tuntutan dalam tempoh enam (6) bulan, adakah tuntutan masih boleh dipertimbangkan?

Permohonan yang melebihi tempoh enam (6) bulan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan pihak pengurusan serta Lembaga Koop Sahabat.

45. Adakah anggota boleh membuat lebih daripada satu tuntutan?

Tuntutan hanya boleh dibuat berdasarkan kelayakan dan kejadian kematian yang memenuhi syarat DTA Khairat Kematian.

46. Adakah bantuan ini dikenakan bayaran tambahan semasa tuntutan dibuat?

Tidak. Tiada bayaran tambahan dikenakan semasa proses tuntutan DTA Khairat Kematian dibuat.

47. Bagaimanakah anggota mengetahui permohonan telah diterima?

Pemohon disarankan untuk menyimpan salinan borang dan bukti penyerahan permohonan bagi tujuan rujukan dan semakan status.

48. Apakah yang berlaku sekiranya maklumat yang diberikan tidak benar?

Permohonan boleh ditolak sekiranya didapati maklumat atau dokumen yang dikemukakan adalah tidak benar, tidak tepat atau mengelirukan.

49. Adakah pihak Koop Sahabat berhak meminta dokumen tambahan?

Ya. Pihak Koop Sahabat berhak meminta dokumen tambahan sekiranya diperlukan bagi tujuan semakan dan pengesahan permohonan.

50. Siapakah yang boleh dihubungi sekiranya memerlukan bantuan berkaitan tuntutan?

Sebarang pertanyaan atau bantuan berkaitan DTA Khairat Kematian boleh dirujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Anggota (JHEA) atau Ibu Pejabat Koop Sahabat.

51. Mengapa DTA Khairat Kematian diwujudkan walaupun sudah ada Koop Care?

DTA Khairat Kematian diwujudkan sebagai nilai tambah kebajikan kepada anggota bagi membantu meringankan beban kewangan ketika berlaku kematian anggota atau pasangan anggota.

52. Adakah DTA Khairat Kematian ini berbentuk simpanan peribadi anggota?

Tidak. DTA Khairat Kematian merupakan tabung kebajikan bersama yang diuruskan oleh Koop Sahabat bagi membantu anggota yang layak membuat tuntutan.

53. Adakah RM3.00 yang dipotong akan dipulangkan semula sekiranya tiada tuntutan dibuat?

Tidak. Potongan RM3.00 adalah sumbangan ke dalam tabung khas DTA Khairat Kematian dan tidak dipulangkan semula.

54. Bagaimanakah pihak Koop Sahabat memastikan dana DTA mencukupi?

Dana DTA akan diurus dan dipantau oleh pihak pengurusan Koop Sahabat bagi memastikan kegunaan dana adalah terkawal dan mengikut tujuan yang ditetapkan.

55. Adakah jumlah bantuan bergantung kepada jumlah dividen anggota?

Tidak. Jumlah bantuan yang diberikan adalah tetap iaitu RM500.00 bagi setiap tuntutan yang diluluskan.

56. Jika pasangan anggota bukan anggota Koop Sahabat, adakah masih layak menerima tuntutan?

Ya. Tuntutan masih boleh dibuat sekiranya pasangan tersebut merupakan suami atau isteri yang sah kepada anggota Koop Sahabat yang layak.

57. Adakah tuntutan boleh dibuat sekiranya anggota meninggal dunia di luar negara?

Ya. Tuntutan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada dokumen sokongan dan pengesahan yang lengkap.

58. Apakah yang dimaksudkan dengan anggota yang sah?

Anggota yang sah ialah anggota yang masih aktif dan memenuhi syarat keanggotaan Koop Sahabat pada tarikh tuntutan dibuat.

59. Jika anggota mempunyai masalah kemaskini maklumat peribadi, adakah tuntutan boleh diproses?

Tuntutan masih boleh diproses, namun anggota atau waris perlu mengemaskini maklumat yang berkaitan terlebih dahulu bagi melancarkan urusan semakan dan pembayaran.

60. Adakah waris perlu hadir sendiri untuk membuat tuntutan?

Kehadiran waris mungkin diperlukan sekiranya pihak pengurusan memerlukan pengesahan atau dokumen tambahan berkaitan permohonan.

61. Adakah tuntutan boleh dibuat oleh wakil keluarga?

Boleh, tertakluk kepada dokumen sokongan dan pengesahan yang diperlukan oleh pihak Koop Sahabat.

62. Jika berlaku kesilapan maklumat pada borang tuntutan, apa yang perlu dilakukan?

Pemohon hendaklah segera memaklumkan kepada pihak pengurusan atau JHEA untuk tujuan pembetulan dan semakan semula.

63. Adakah anggota akan dimaklumkan jika permohonan tidak berjaya?

Ya. Pemohon boleh dihubungi oleh pihak pengurusan sekiranya terdapat masalah, kekurangan dokumen atau keputusan permohonan.

64. Adakah tuntutan DTA Khairat Kematian memberi kesan kepada dividen anggota?

Tidak. Tuntutan yang diluluskan tidak menjejaskan kelayakan dividen anggota selain daripada potongan tahunan RM3.00 yang telah ditetapkan.

65. Siapakah yang menguruskan semakan tuntutan DTA Khairat Kematian?

Semakan dan proses tuntutan akan diuruskan oleh Seksyen Perhubungan Anggota (SPHA), Jabatan Hal Ehwal Anggota (JHEA) tertakluk kepada prosedur yang ditetapkan.

66. Mengapa anggota perlu memahami syarat DTA Khairat Kematian?

Pemahaman terhadap syarat dan prosedur dapat membantu anggota membuat tuntutan dengan lebih mudah, lengkap dan mengelakkan kelewatan proses permohonan.

67. Adakah pihak Koop Sahabat boleh mengubah syarat atau aturan DTA pada masa hadapan?

Ya. Sebarang pindaan atau perubahan aturan adalah tertakluk kepada keputusan dan kelulusan pihak berkaitan serta Mesyuarat Agung jika diperlukan.

68. Apakah kelebihan DTA Khairat Kematian kepada anggota?

DTA Khairat Kematian membantu menyediakan bantuan kewangan segera kepada anggota atau waris dengan kadar sumbangan yang rendah dan mudah melalui potongan dividen tahunan.

69. Jika anggota tidak bersetuju dengan keputusan tuntutan, apakah tindakan yang boleh dibuat?

Anggota boleh mengemukakan rayuan atau pertikaian secara bertulis kepada JHEA untuk semakan lanjut oleh pihak pengurusan.

70. Adakah DTA Khairat Kematian ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa?

Ya. Aturan, kadar bantuan atau kaedah pelaksanaan boleh dipinda dari semasa ke semasa mengikut keputusan pihak pengurusan dan Lembaga Koop Sahabat.